



LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

## KENYATAAN MEDIA

### **DATO' HAJI SUHAIMI BIN MOHD GHAZALI PENGERUSI BAHARU LPPKN**

**KUALA LUMPUR, 22 JULAI** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengumumkan pelantikan Dato' Haji Suhaimi bin Mohd Ghazali, sebagai Pengurus Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang baharu berkuatkuasa 18 Julai 2022, bagi menggantikan Dato' Mohd Nizar Haji Zakaria yang telah menamatkan perkhidmatanya pada 15 Jun lalu.

Dato' Haji Suhaimi bin Mohd Ghazali, 54, merupakan anak jati Negeri Selangor berkelulusan Sarjana Muda Sains Politik, Universiti California, Amerika Syarikat dan lantikan ini menjadikan beliau sebagai Pengurus LPPKN yang ke-12.

Melalui pelantikan ini juga, KPWKM berkeyakinan penuh LPPKN yang baru menyambut ulangtahun ke 56 Jun lalu, akan terus dipacu dengan membawa aspirasi pembangunan keluarga, kajian demografi penduduk dan kesihatan reproduktif termasuk subfertiliti dengan lebih cemerlang pada masa akan datang.

Antara jawatan yang pernah disandang adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, Kawasan Dengkil, Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (PAC) Negeri Selangor, Ahli Majlis Perbandaran Sepang dan Pegawai Khas kepada Pengurus Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kerajaan Tempatan dan Tanah Rizab Melayu (EXCO) Kerajaan Negeri Selangor.

####

Disediakan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat**

**LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA**